

06 JUL 2001

Mahathir-ISA

PELAJAR TIDAK TERKECUALI DARIPADA UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini golongan pelajar tidak terkecuali daripada undang-undang.

Katanya mereka boleh dikenakan tindakan sekiranya terbabit dengan apa-apa kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

"Saya rasa ini lebih berkaitan dengan soal keselamatan daripada kesalahan mengikut universiti kolej (Akta Universiti dan Kolej Universiti)," katanya ketika diminta mengulas penahanan seorang pelajar Institut Kemahiran Mara, Khairul Anuar Ahmad Zainuddin mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai perkara itu pada sidang media selepas majlis pelancaran radio IKIM.fm di sini hari ini.

Beliau berkata undang-undang yang berkaitan akan digunakan terhadap kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Pelajar dibenarkan bersuara tetapi menyertai aktiviti haram termasuk demonstrasi merupakan persoalan lain, katanya.

Dr Mahathir juga mengulas mengenai undang-undang siber yang menurutnya diperlukan setelah terdapat bukti bahawa internet disalahgunakan untuk menyebarkan maklumat yang salah, pornografi dan pelbagai lagi.

"Ini sebenarnya merosakkan moral masyarakat. Kita mahu menggunakan internet supaya rakyat boleh mendapat lebih banyak maklumat tetapi bukan sesuatu yang disalah-tafsirkan," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim sebelum ini berkata undang-undang negara perlu diselaraskan dengan perkembangan dunia siber kerana masalah pornografi, pembohongan dan hasutan hingga berlaku perpecahan kaum menerusi internet perlu ditangani segera.

Dr Mahathir berkata sesetengah negara lain seperti Jerman mentakrif pornografi sebagai satu kesalahan dan boleh dihadapkan ke mahkamah.

Ketika diminta mengulas gesaan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan membekukan pengambilan pekerja asing oleh majikan sektor swasta dan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan sentiasa memastikan pekerja tempatan diberi keutamaan.

"Tindakan akan diambil terhadap majikan yang didapati menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja asing," katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa berhati-hati berhubung pengambilan pekerja asing bagi memastikan rakyat negara ini mempunyai pekerjaan.

-- BERNAMA

RZS AHH NMO